

**PKR cabar George Kent nafi terima surat hasrat
MalaysiaKini.com
19 Julai, 2012
Oleh Andrew Ong**

PKR mencabar syarikat George Kent Bhd untuk mendedahkan sama ada syarikat itu telah diberikan surat hasrat untuk projek sambungan LRT Ampang.

Pengarah strategi parti itu, Rafizi Ramli mendakwa George Kent sudah hampir mendapat kontrak tersebut secara rasmi.

Katanya, beliau percaya bahawa surat lantikan untuk projek tersebut tidak akan dikeluarkan sebelum pilihan raya umum ke-13 kerana ia akan menjadi bahan kempen pilihan raya yang besar.

"Tapi LOI (surat hasrat) telah diberikan kepada George Kent, untuk membenarkan syarikat itu menjalankan perancangan dan persediaan lain," dakwanya.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd
Source: <http://www.malaysiakini.com/news/204088>